



**KENYATAAN AKHBAR  
SETIAUSAHA EKSEKUTIF  
LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (LEMBAGA)  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)  
MENGENAI PENGELUARAN LESEN PERINGKAT PENGENDALIAN SEMENTARA (TOL)  
LYNAS (M) SDN. BHD**

07 Disember 2012

"Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) telah mengeluarkan Lesen Peringkat Pengendalian Sementara (TOL) kepada Syarikat Lynas Malaysia Sdn Bhd pada 5 September 2012, bagi tempoh 2 tahun berkuatkuasa mulai 3 September 2012 hingga 2 September 2014. Keputusan ini dibuat setelah Lembaga berpuashati bahawa Lynas telah mematuhi kesemua aspek teknikal, keperluan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1994 (Akta 304) dan perundangan subsidiari di bawahnya serta syarat tambahan dan syarat khas yang telah dikenakan ke atasnya. Permit membenarkan kemasukan bahan mula pekatan lantanid juga telah dikeluarkan bagi tujuan menguji keselamatan peralatan dan proses pengeluaran.

Syarikat Lynas (M) Sdn Bhd kini telah memulakan ujian pemprosesan bahan mula pekatan lantanid secara terhad dan berperingkat selaras dengan syarat TOL dan proses pengujian ini dikawalselia secara berterusan oleh agensi penguatkuasa. Pegawai dari Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) telah ditempatkan di premis kilang secara sepenuh masa bagi mengawalselia secara berterusan pada setiap peringkat proses ujian bahan untuk memastikan segala keperluan undang-undang kebangsaan dan standard keselamatan serta amalan terpuji antarabangsa dipatuhi sepenuhnya. Kawalseliaan secara berterusan juga dilaksanakan ke atas aktiviti pengimportan bahan mula pekatan lantanid ke Malaysia.

Di bawah Seksyen 22 Akta 304, sekiranya pihak syarikat melanggar mana-mana syarat lesen atau melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta, LPTA boleh membatalkan atau menggantung TOL yang telah dikeluarkan kepada syarikat sebelum ini. Dalam hal ini, sekiranya berlaku pelanggaran kepada syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan, operasi syarikat akan diberhentikan secara serta merta sebelum tindakan selanjutnya diambil di bawah peruntukan akta yang sama".

Sekian.